



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mel : pms@pmswk.gov.my

Rujukan Kami : PKP(S)124-1/4 SK.3(6)
Tarikh : 31 Disember 2009
14 Muharam 1431H

**Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Sarawak.**

**Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Sarawak.**

Tuan,

**SURAT PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 1 TAHUN 2010**

**Kontrak Pusat Bagi Pembekalan Dan Penghantaran Bahan Petroleum Melalui
Stesen Servis Minyak Kepada Jabatan Persekutuan Dan Badan Berkanun
Persekutuan Seluruh Sarawak Bagi Tahun 2010**

1. PERIHAL

- 1.1 Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/KK/9999/110101/57/885 JLD. 13 SJ.6 (7) bertarikh 13 Ogos 2009 telah bersetuju melantik syarikat Superkad Services Sdn. Bhd. bagi kontrak Pembekalan dan Penghantaran Bahan Petroleum Melalui Stesen Servis Minyak Kepada Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan Seluruh Sarawak.

2. BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR DAN NOMBOR KONTRAK

- 2.1 Butir-butir kontraktor adalah seperti di **Lampiran A.**

3. TEMPOH KONTRAK

- 3.1 Tempoh kontrak ialah selama **satu (1) tahun berkuatkuasa mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2010.**

4. **HARGA DAN SPESIFIKASI**

.... 4.1 Harga bagi kontrak ini adalah seperti di **Lampiran B** dan spesifikasi bagi bahan petroleum adalah seperti di **Lampiran C**.

5. **WAKIL PEMBEKAL SUPERKAD SERVICES SDN. BHD.**

.... 5.1 Semua Stesen Servis Shell merupakan wakil pembekal Superkad Services Sdn. Bhd. Senarai Stesen Servis Shell di Sarawak adalah seperti di **Lampiran D**.

5.2 Bagi kawasan yang tidak ada wakil penjual Superkad Services Sdn. Bhd. yang berdekatan dalam **lingkungan 10km**, Jabatan Pengguna bolehlah mendapatkan bekalan petroleum dari punca luar secara pembelian terus.

6. **TEMPOH AKHIR PENGADUAN**

6.1 Jabatan pengguna hendaklah mengemukakan apa-apa aduan mengenai kontrak ini dengan serta merta dan tidak lewat daripada tiga (3) bulan selepas tarikh tamat kontrak. Perbendaharaan Malaysia Sarawak tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa masalah yang berbangkit akibat dari kegagalan Jabatan mematuhi arahan ini.

7. **PEMBAYARAN BIL**

7.1 Pembayaran terhadap bil-bil yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah dibuat mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Akauntan Negara Malaysia.

7.2 Pembayaran hendaklah dibuat terus kepada kontraktor.

7.3 Bagi pesanan yang telah disempurnakan oleh kontraktor dengan memuaskan, bil mengenainya hendaklah dijelaskan dalam tempoh empat belas (14 hari) dari tarikh bil itu diterima.

7.4 Walau apapun peraturan atau tatacara penerimaan barang-barang yang diamalkan oleh sesuatu Jabatan, pengesahan penerimaan barang-barang mestilah dibuat dengan segera pada hari bekalan disempurnakan untuk membolehkan kontraktor mengemukakan bil pembayaran dengan seberapa segera. Jabatan tidak perlu menunggu laporan ujian Jabatan penguji untuk membuat bayaran.

8. PENGGUNAAN KONTRAK

- 8.1 Semua Kementerian, Jabatan dan Badan Berkanun dan Agensi-Agensi yang berkenaan di bawah kelolaan masing-masing hendaklah menggunakan kontrak ini sahaja dan tidak dibenarkan membeli dari punca lain tanpa kebenaran Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak, Perbendaharaan Malaysia Sarawak.
- 8.2 Penentuan dalam kontrak ini adalah penentuan gunasama pelbagai Jabatan. Sekiranya penentuan itu tidak sesuai dengan keperluan Jabatan pengguna, sila kemukakan penentuan yang diperlukan, dengan menyatakan perbezaan dari penentuan kontrak ini serta justifikasi mengapa perbezaan itu perlu.
- 8.3 Perbendaharaan Malaysia Sarawak seterusnya akan menimbangkan pengecualian daripada menggunakan Kontrak Pusat dan perolehan melalui aturcara lain.

9. HAL-HAL LAIN

- 9.1 Bagi kawasan yang tidak ada pembekal bahan petroleum yang berada di atas darat dan tidak dapat dimasuki oleh kenderaan darat, Jabatan Pengguna bolehlah mendapatkan bahan petroleum dari punca luar mengikut tatacara kewangan yang masih berkuatkuasa.
- 9.2 Jika terdapat kemusykilan mengenai kontrak ini, pihak Jabatan Pengguna dinasihatkan menghubungi Perbendaharaan Malaysia, Sarawak seperti di alamat di atas atau melalui nombor telefon 082 – 421333 :-
- | | | | |
|------|--------------------|---|---------------------|
| (i) | Puan Bayah Ak Chua | - | sambungan 501; atau |
| (ii) | Unit Perolehan | - | sambungan 502 |

Sekian, terima kasih.

“Sentiasa Mesra, Teliti dan Cepat”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MAT OMAR BIN JOHARI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak

Tel. : 082-421333 samb. 100
Faks : 082-424489
Emel : matomar@treasury.gov.my

s.k.:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sarawak, Kuching.

Jabatan Akauntan Negara, Sri Aman.

Jabatan Akauntan Negara, Sarikei.

Jabatan Akauntan Negara, Sibul.

Jabatan Akauntan Negara, Kapit.

Jabatan Akauntan Negara, Bintulu.

Jabatan Akauntan Negara, Miri.

Jabatan Akauntan Negara, Limbang.

Jabatan Audit Negara, Kuching.

/FA

BUTIR-BUTIR KONTRAKTOR

Bil.	Nama / Alamat Kontraktor/No. Telefon /Faks & Nombor Kontrak	Alamat/No. Akaun Bank
1.	Superkad Services Sdn. Bhd. (335679-T), Tingkat 7, Menara 2, Kelana Brem Tower, Jalan SS7/15, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-74948080 Fax : 03-74948282 <u>No. Kontrak</u> PMS/124/KONT/2010-01	<u>Bank</u> Standard Chartered Bank Berhad, Cawangan Jalan Ampang, Tingkat 1, No. 2, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. <u>No. Akaun</u> 312143584993

Lampiran B

SENARAI HARGA PETROLEUM MELALUI STESEN SERVIS MINYAK

Jenis Bahan Api	Harga (RM/Liter)
Ron 97	2.05
Ron 95	1.80
Diesel	1.70

Nota :

Harga jualan runcit petrol dan diesel adalah mengikut harga kawalan oleh Kerajaan

SPESIFIKASI BAGI BAHAN PETROLEUM

JENIS PETROLEUM	SPESIFIKASI
Bahan Petroleum	Terdiri daripada Petrol Tanpa Plumbum 97, Petrol Tanpa Plumbun 95 dan Diesel. Item-item tersebut hendaklah dibuat secara ex-pam di mana-mana item-item ini diisi terus ke kenderaan. Pembelian secara pukal tidak termasuk di dalam item kontrak.